

**Jadual 1****Pengiraan Aset Ketara Bersih**

Bagi maksud pengiraan Aset Ketara Bersih:

- a) semua kontrak hadapan dan opsyen mesti dinilaikan pada nilai pasaran semasa;
- b) semua keuntungan dan kerugian belum terealisasi bagi semua kontrak hadapan, opsyen, masa depan dan komitmen harga tetap mesti disifatkan sebagai keuntungan dan kerugian terealisasi; dan
- c) melainkan jika dinyatakan selainnya secara khusus, nilai yang diberikan kepada semua aset dan liabiliti lain mesti merupakan nilai pasaran semasanya.

**Aset Ketara Bersih** ialah:

**Aset Ketara**

tolak

**Jumlah Liabiliti****1. Aset Ketara**

Aset Ketara ialah tunai dan aset lain yang biasanya dikenal pasti mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan terpakai dari semasa ke semasa sebagai aset semasa dan bukan semasa, tetapi mesti mengecualikan:

- a) semua amaun yang terhutang kepada Peserta Penjelasan oleh Perbadanan yang Berhubungannya, kecuali belum terima yang perlu dibayar dalam urusan biasa daripada institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara;
- b) saham yang dipegang dalam Perbadanan yang Berhubungan melainkan jika diluluskan selainnya oleh Pusat Penjelasan; dan
- c) aset tak ketara.

**2. Jumlah Liabiliti**

Jumlah Liabiliti ialah liabiliti yang biasanya dikenal pasti mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan terpakai dari semasa ke semasa sebagai liabiliti jangka pendek dan jangka panjang dan liabiliti lain seperti yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

**3. Perbadanan yang Berhubungan**

Bagi maksud jadual ini, Perbadanan yang Berhubungan ialah apa-apa perbadanan:

- a) yang dalamnya Peserta Penjelasan memiliki atau mengawal dengan berkesan 20% atau lebih daripada modal saham terbitan;
- b) yang memiliki atau mengawal dengan berkesan 20% atau lebih daripada modal saham terbitan Peserta Penjelasan;

**KAEDAH-KAEDAH BURSA MALAYSIA DERIVATIVES CLEARING BHD**

---

- c) yang mengarah dengan berkesan atau mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi secara langsung atau tidak langsung dasar pengurusan Peserta Penjelasan;
- d) yang dasar pengurusannya diarah dengan berkesan oleh Peserta Penjelasan atau Peserta Penjelasan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhinya secara langsung atau tidak langsung;
- e) yang terdapat satu pihak memegang atau mengawal dengan berkesan 20% atau lebih daripada modal saham terbitan perbadanan itu dan pada masa yang sama perbadanan memegang atau mengawal dengan berkesan 20% atau lebih daripada modal saham terbitan Peserta Penjelasan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**Jadual 2**  
**Pengiraan Modal Bersih Terlaras**

Bagi maksud pengiraan Modal Bersih Terlaras:

- a) semua kontrak hadapan dan opsyen mesti dinilaikan pada nilai pasaran semasa;
- b) semua keuntungan dan kerugian belum terealisasi bagi semua kontrak hadapan, opsyen, masa depan dan komitmen harga tetap mesti disifatkan sebagai keuntungan dan kerugian terealisasi; dan
- c) melainkan jika dinyatakan selainnya secara khusus, nilai yang diberikan kepada semua aset dan liabiliti lain mesti merupakan nilai pasaran semasanya.

**Modal Bersih Terlaras** ialah:

**Aset Dibenarkan**

Tolak

**Potongan Tambahan**

Tolak

**Jumlah Liabiliti**

**1. Aset Dibenarkan**

Aset Dibenarkan ialah tunai dan aset lain yang biasanya dikenal pasti mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan terpakai dari semasa ke semasa sebagai aset semasa dan boleh ditukar kepada tunai atau kutipan dalam tempoh 10 hari berurus niaga dari tarikh pengiraan, tetapi mesti mengecualikan:

- a) semua perbelanjaan prabayar dan caj tertunda;
- b) semua pendahuluan, pinjaman dan belum terima lain yang tidak dicagarkan kecuali:
  - i) bayaran broker, fi dan komisen yang belum tertunggak untuk tempoh melebihi 10 hari berurus niaga dari tarikh perlu dibayar;
  - ii) semua dividen yang belum tertunggak untuk tempoh melebihi 10 hari berurus niaga dari tarikh kena dibayar;
  - iii) belum terima daripada Pusat Penjelasan tetapi tidak termasuk apa-apa aset yang diserahkan simpan dengan Pusat Penjelasan berhubung dengan caruman Dana Penjelasan atau sebagai Deposit Sekuriti;
  - iv) belum terima daripada Bursa;
  - v) belum terima yang perlu dibayar dalam urusan biasa daripada institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara termasuk faedah yang perlu dibayar pada hari berurus niaga berikutnya tetapi tidak termasuk apa-apa faedah terakru lain;
  - vi) belum terima, selain fi, komisen dan bayaran broker, daripada Gabungan lain Pusat Penjelasan;

- vii) belum terima daripada pusat penjelasan lain yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan;
  - viii) belum terima hasil daripada jualan inventori yang biasanya dikaitkan dengan aktiviti perniagaan Peserta Penjelasan, yang pada pendapat juruaudit Peserta Penjelasan, boleh dikutip; dan
  - ix) apa-apa amaun lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan;
- c) apa-apa aset yang pemilikan, atau kawalan terhadap pelupusannya telah diberikan kepada institusi kewangan sebagai sekuriti bagi apa-apa kemudahan kredit yang disediakan oleh institusi kewangan kepada Peserta Penjelasan atau sebagai sekuriti bagi surat kredit muktamad, jaminan bank atau penjamin atau apa-apa barisan kredit lain yang disediakan oleh institusi kewangan itu kepada Pusat Penjelasan, bursa, pusat penjelasan lain atau kepada mana-mana orang lain;
- d) saham yang dipegang dalam Syarikat Berkaitan melainkan jika diluluskan selainnya oleh Pusat Penjelasan; dan
- e) semua pendahuluan atau pinjaman kepada mana-mana pengarah atau pekerja Peserta Penjelasan atau mana-mana pihak ketiga;
- f) semua amaun yang perlu dibayar kepada Peserta Penjelasan oleh Syarikat Berkaitannya selain amaun yang termasuk di bawah perihalan dalam subperenggan (b)(v);
- g) semua aset tak ketara;
- h) semua penyertaan bursa dan penyertaan pusat penjelasan;
- i) semua sekuriti kecuali:
- i) sekuriti kerajaan Malaysia;
  - ii) bil, nota dan debentur yang didagangkan dalam pasaran wang;
  - iii) bil jangka sederhana hingga jangka panjang, nota dan debentur yang diterbitkan oleh institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara yang baginya terdapat harga pasaran yang sedia diberikan;
  - iv) sekuriti yang tersenarai dalam bursa saham yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan;
  - v) sekuriti lain seperti yang boleh diluluskan oleh Pusat Penjelasan;
- j) apa-apa item lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan.

## 2. Jumlah Liabiliti

Jumlah Liabiliti ialah liabiliti yang biasanya dikenal pasti mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan terpakai dari semasa ke semasa sebagai liabiliti jangka pendek dan jangka panjang tetapi tidak termasuk:

- a) liabiliti di bawah perjanjian pinjaman subordinat yang memenuhi kriteria minimum sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa, sehingga amaun maksimum sebanyak 4 kali dana pemegang saham Peserta Penjelasan;

- b) liabiliti jangka panjang yang perlu dibayar kepada institusi kewangan di bawah pinjaman komersil yang dicagarkan oleh caj tetap terhadap harta tanah atau kenderaan bermotor yang dimiliki oleh Peserta Penjelasan dan digunakan dalam urusan biasa Peserta Penjelasan, sehingga amaun yang setara dengan nilai buku bersih yang lebih rendah atau 80% daripada nilai pasaran harta tanah atau kenderaan bermotor itu;
- c) liabiliti lain seperti yang mungkin ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

### **3. Potongan Tambahan**

Pusat Penjelasan boleh menetapkan amaun sebagai Potongan Tambahan, berhubung dengan setiap kategori Aset Dibenarkan yang berikut, diungkapkan sebagai peratusan nilai Aset Dibenarkan yang berkaitan, atau berhubung dengan perkara lain, yang daripadanya nilai keseluruhan Aset Dibenarkan akan dipotong:

- a) sekuriti kerajaan Malaysia;
- b) sekuriti Malaysia yang sedia dipasarkan dan tersenarai dalam bursa saham yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan;
- c) sekuriti lain yang mungkin diluluskan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa;
- d) belum terima yang perlu dibayar dalam urusan biasa daripada institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara;
- e) belum terima daripada Gabungan lain Pusat Penjelasan atau pusat penjelasan lain yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan atau Peserta Penjelasan di pusat penjelasan yang diluluskan itu;
- f) amaun yang perlu dibayar daripada klien berhubung dengan margin jika amaun tersebut tertunggak tidak kurang dari dua hari berurus niaga setakat tarikh pengiraan;
- g) bayaran broker, fi dan komisen, yang tidak dicagarkan, yang perlu dibayar daripada klien;
- h) keperluan Bon Prestasi terhadap kontrak terbuka dalam akaun proprietari Peserta Penjelasan yang bukan kontrak terlindung nilai *bona fide*;
- i) belum terima, yang tidak dicagarkan, yang perlu dibayar oleh bursa dan pusat penjelasan selain Bursa atau Pusat Penjelasan;
- j) baki debit bersih yang timbul daripada penilaian pada pasaran atau penyelesaian sementara kontrak hadapan dan/atau opsyen yang tertunggak yang dipegang oleh klien setakat akhir perniagaan pada tarikh pengiraan;
- k) inventori yang dilindung nilai dalam apa-apa pasaran atau persatuan;
- l) inventori yang tidak dilindung nilai oleh apa-apa kedudukan terlindung nilai dalam apa-apa pasaran atau persatuan;
- m) apa-apa aset atau amaun lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

### **4. Syarikat Berkaitan**

Bagi maksud jadual ini, Syarikat Berkaitan ialah apa-apa perbadanan:

## Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Derivatives Clearing Bhd

- 
- a) yang dalamnya Peserta Penjelasan memiliki atau mengawal dengan berkesan 20% atau lebih daripada modal saham terbitan;
  - b) yang memiliki atau mengawal dengan berkesan 20% atau lebih daripada modal saham terbitan Peserta Penjelasan;
  - c) yang mengarah dengan berkesan atau mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi secara langsung atau tidak langsung dasar pengurusan Peserta Penjelasan;
  - d) yang dasar pengurusannya diarah dengan berkesan oleh Peserta Penjelasan atau Peserta Penjelasan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhinya secara langsung atau tidak langsung;
  - e) yang terdapat satu pihak memegang atau mengawal dengan berkesan 20% atau lebih daripada modal saham terbitan perbadanan itu dan pada masa yang sama perbadanan memegang atau mengawal dengan berkesan 20% atau lebih daripada modal saham terbitan Peserta Penjelasan.

### 5. Cagaran

Bagi maksud jadual ini, kecuali dalam subperenggan 2(b), pinjaman atau bentuk belum terima lain dianggap sebagai dicagarkan jika dan hanya jika:

- a) kolateral daripada jenis yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan telah diberikan kepada Peserta Penjelasan sebagai sekuriti bagi pinjaman atau belum terima itu dan sekurang-kurangnya pada nilai yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan;
- b) kolateral itu adalah dalam pemilikan atau kawalan Peserta Penjelasan; dan
- c) Peserta Penjelasan mempunyai perjanjian sekuriti bertulis yang boleh dikuatkuasakan secara sah yang dilaksanakan oleh penghutang atas namanya dan di bawahnya Peserta Penjelasan mempunyai kuasa untuk menjualnya dengan mudah atau selainnya menukar kolateral kepada tunai sekiranya belum terima menjadi terancam.

### 6. Sekuriti

Bagi maksud jadual ini, istilah "sekuriti" bermaksud debentur, stok dan saham dalam syarikat atau perbadanan awam, atau bon apa-apa kerajaan atau apa-apa badan, yang digabungkan atau tidak digabungkan, dan termasuk apa-apa opsyen yang berkenaan dengannya dan apa-apa faedah dalam skim amanah saham.

### 7. Skim amanah saham

Bagi maksud jadual ini, istilah "skim amanah saham" bermaksud apa-apa perkiraan yang dibuat bagi maksud, atau boleh menguatkuasakan, penyediaan kemudahan bagi penyertaan orang sebagai benefisiari di bawah amanah bagi keuntungan atau pendapatan yang timbul daripada perolehan, pemegangan, pengurusan atau pelupusan sekuriti atau apa-apa harta lain.

### 8. Tarikh pengiraan

Bagi maksud jadual ini, istilah "tarikh pengiraan" bermaksud apa-apa hari apabila Modal Bersih Terlaras bagi Peserta Penjelasan dikira.

### 9. Perjanjian Pinjaman Subordinat

Bagi maksud jadual ini, "perjanjian pinjaman subordinat" mesti memenuhi kriteria yang berikut:

**KAEDAH-KAEDAH BURSA MALAYSIA DERIVATIVES CLEARING BHD**

---

- a) Pusat Penjelasan dimaklumkan tentang perjanjian pinjaman subordinat;
- b) pembayaran balik (termasuk prapembayaran) bagi keseluruhan atau sebahagian daripada pinjaman mesti dibuat dengan kebenaran bertulis Pusat Penjelasan terlebih dahulu;
- c) mempunyai baki tempoh sekurang-kurangnya 1 tahun;
- d) pemutang bawahan tidak akan menuntut atau menerima daripada Peserta Penjelasan, melalui tolakan atau dengan apa jua cara lain, apa-apa hutang bawahan melainkan dan sehingga semua hutang lain Peserta Penjelasan yang bukan hutang bawahan dibayar atau kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pusat Penjelasan;
- e) sekiranya berlaku pembubaran, penggulungan, pelikuidasian atau penyusunan semula Peserta Penjelasan, pemutang bagi Peserta Penjelasan selain pemutang bagi hutang bawahan mempunyai hak terdahulu untuk menerima bayaran penuh bagi hutang pemutang lain sebelum pemutang bawahan menerima apa-apa bayaran berhubung dengan hutang bawahan tersebut;
- f) walaupun terdapat perenggan 9, jika pemutang bawahan bagi hutang bawahan menerima apa-apa agihan berhubung dengan hutang bawahan, pemutang itu akan membayar agihan tersebut kepada pemutang lain bagi Peserta Penjelasan. Bayaran ini akan dibuat secara boleh kadar terhadap hutang pemutang lain sehingga hutang pemutang lain dibayar sepenuhnya; dan
- g) Pusat Penjelasan berhak menggantung pembayaran balik pinjaman pada tarikh matang jika ia berpendapat bahawa Peserta Penjelasan gagal memenuhi keperluan kewangan minimum seperti yang dinyatakan dalam Bab 3 Kaedah-kaedah ini.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]